

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA

9 771823 642005

ISSN 1823-6421

PERINGKAT EKONOMI MENURUT ISLAM

Mazlan Osman

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi
MARA Cawangan Terengganu, Terengganu





Islam adalah agama yang syumul dan lengkap. Ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam Al Quran yang bermaksud, “Wahai orang-orang beriman, masuklah kamu ke dalam ajaran Islam secara keseluruhan” (Al Baqarah: 208). Maka berdasarkan maksud ayat tersebut, bidang ekonomi juga tidak terkecuali dari ajaran Islam dan ia perlu dibangunkan dan diperjuangkan ke tengah masyarakat.

Namun begitu, konsep ekonomi dalam Islam berbeza dengan konsep ekonomi bukan Islam. Konsep ekonomi dalam Islam bukan ciptaan akal manusia tetapi ia adalah konsep yang digariskan oleh Allah SWT. Sistem ekonomi ciptaan akal fikiran manusia hanya berorientasikan keuntungan material dan duniawi namun sistem ekonomi Islam mementingkan konsep ibadah dan berkhidmat kepada masyarakat. Modal utama dalam ekonomi ciptaan akal adalah duit namun modal utama dalam ekonomi Islam adalah taqwa.

Secara umumnya, ekonomi Islam boleh dibahagikan kepada tiga peringkat:

Ekonomi Fardu Kifayah

Ekonomi Komersil
Ekonomi Strategi

a) Ekonomi Fardu Kifayah

Matlamat utama ekonomi fardu kifayah adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam, terutamanya keperluan asas. Keuntungan adalah tujuan sampingan iaitu sekiranya ekonomi yang dibangunkan tidak mendatangkan keuntungan namun ia mesti dibangunkan juga kerana jika tidak dibangunkan maka seluruh umat Islam di sesuatu kawasan atau tempat tertentu akan berdosa.

Contohnya, membangunkan sebuah kedai runcit yang memenuhi keperluan asas masyarakat dalam sebuah taman atau kampung merupakan ekonomi fardu kifayah. Jika tidak ada sebuah kedai runcit di taman atau kampung berkenaan maka semua orang Islam di tempat tersebut berdosa. Oleh itu ia wajib dibangunkan sama ada mengalami keuntungan atau kerugian.

b) Ekonomi Komersil

Tujuan ekonomi komersil
agak berbeza dengan ekonomi

fardu kifayah. Fokus utama ekonomi komersil ialah untuk mendapat keuntungan disamping tidak mengabaikan peraturan-peraturan dan hukum hakam yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam dalam membangunkan ekonomi.

Ekonomi komersil juga mempunyai beberapa objektif yang lain. Di antaranya ialah:

Menzahirkan syiar Islam dalam bidang ekonomi sekaligus menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang syumul (lengkap). Membantu ekonomi fardu kifayah sekiranya ekonomi fardu kifayah mengalami kerugian. Membantu masyarakat Islam yang fakir dan miskin melalui konsep sedekah dan zakat berdasarkan keuntungan yang diperolehi. Memberi khidmat dan sumbangan kepada masyarakat bukan Islam yang memerlukan bantuan. Mendapat keselesaan dalam kehidupan sekaligus memudahkan umat Islam melakukan ibadah.

Ekonomi komersil tidak wajib dibangunkan dalam sesuatu kampung atau masyarakat. Sekiranya ekonomi komersil mengalami kerugian, ia boleh ditutup dan umat Islam dalam

kampung atau masyarakat setempat tidak dikira berdosa.

c) Ekonomi Strategi

Ekonomi strategi pula berbeza dengan ekonomi fardu kifayah dan ekonomi komersil. Ekonomi strategi bukan untuk mendapat keuntungan semata-mata dan bukan untuk fardu kifayah tetapi ia dibangunkan atas tujuan-tujuan yang tertentu.

Sebagai contoh, di antara tujuan ekonomi strategi ialah:

Mengelakkan daripada berlakunya monopoli dalam bidang ekonomi oleh golongan tertentu atau oleh orang bukan Islam. Menunjukkan kehebatan orang Islam melalui kejayaan yang dibangunkan dalam bidang ekonomi. Mengembangkan ajaran Islam melalui bidang ekonomi seperti menggunakan platform ekonomi untuk membantu sistem pendidikan Islam.

Ekonomi strategik tidak mempunyai tujuan khusus. Tujuan ekonomi strategi tiada had dan batasannya. Ia bergantung kepada waktu, tempat dan keadaan semasa.